

15 JAN 2003

Mahathir-Tiba

PERDANA MENTERI TIBA DI KELANTAN UNTUK LAWATAN DUA HARI

KOTA BAHARU, 15 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja dua hari ke Kelantan.

Perdana Menteri yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, dekat sini pada 4.30 petang.

Sejurus tiba, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat di padang Maktab Sultan Ismail di sini, yang dihadiri kira-kira 50,000 orang.

Pada majlis itu, Perdana Menteri akan menyampaikan amanat penting kepada rakyat Kelantan termasuk menjelaskan beberapa isu terkini.

Dr Mahathir juga dijadualkan menghadiri pertemuan dengan pegawai-pegawai kerajaan Persekutuan di Hotel Renaissance di sini, pada 9 malam ini.

Esok, Dr Mahathir dijadual menghadiri satu lagi majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Lanas, Jeli, kira-kira 80 kilometer dari sini.

Pada majlis itu, beliau akan menyampaikan bantuan kepada waris dan mangsa serangan harimau selain menyampaikan bantuan pakaian seragam dan peralatan sekolah kepada 20 murid dari keluarga miskin.

Dr Siti Hasmah, yang mempunyai jadual berasingan pada Khamis, akan merasmikan program "Utamakan Keluarga: Semakin Hari Semakin Sayang" di Dewan Besar Universiti Sains Malaysia, Kampus Kesihatan, Kubang Kerian.

Kira-kira 1,500 ibu bapa dijangka menghadiri majlis itu.

Dr Mahathir dan isteri akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur tengah hari esok.

-- BERNAMA

ZI BD NAK